



1. JAWATAN	: SERANG TINGKAT I
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN PELABUHAN-PELABUHAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
BAHAGIAN	: IV
TANGGAGAJI	: D.4-5 EB.6 (\$1,225 - \$1,785 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) i) Mempunyai Sijil Kecekapan Pegawai Laut Kelas 7 atau sebanding dan telah berkhidmat sebagai Serang Tingkat II dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- ii) Mempunyai Sijil Kecekapan Pegawai Laut Kelas 8 atau sebanding dan telah berkhidmat sebagai Serang Tingkat II atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 5 tahun.
- b) Berkebolehan di dalam mengendalikan kapal-kapal di bawah 500 tan muatan kasar dan mempunyai pengetahuan yang baik tentang perairan-perairan yang boleh dilayari dan makna tanda-tanda pelayaran.
- c) Mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan boleh mengurus dan mengawas kakitangan di bawah jagaannya dalam melaksanakan tugas-tugas mereka.
- d) Boleh menyediakan laporan-laporan dengan baik seperti kerosakan, pesanan dan kakitangan kapal.
- e) Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



LAIN-LAIN SYARAT

- a) Selepas menjalani satu tempoh perkhidmatan yang dikehendaki, Serang Tingkat II yang layak akan diarahkan untuk mengikuti kursus latihan bagi membolehkan mereka menduduki peperiksaan untuk mendapatkan Sijil Kecekapan Pegawai Laut Kelas 6.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB SERANG TINGKAT I:

1. Selaku ketua kapal yang sebanding dengan kelayakan.
2. Membantu tugas-tugas Serang Tingkat Khas.